

# Kewajipan menjalankan tugas



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaiton mohamad@yahoo.com

46 28.03.2012 B4

**SETIAP** insan di muka bumi ini sudah tentu pernah diberikan tanggungjawab untuk menjalankan sesuatu tugas sama ada kecil mahupun besar mengikut kemampuan dirinya. Dalam konteks tanggungjawab apabila diteliti ia boleh diertikan dengan pelbagai kefahaman. Ada yang melihat tanggungjawab itu sebagai sesuatu yang perlu diberikan memfokuskan 100 peratus terhadap tugas yang diberikan, malah ada yang pandai mencuri daripada tanggungjawab yang diberikan dengan melakukan

pelbagai alasan dan memandang enteng terhadap tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya.

Justeru itu pada kali ini ingin saya memilih salah satu perkara yang tersenarai di dalam Tonggak 12 yang dijadikan panduan untuk setiap penjawat awam amalkan sepanjang tempoh perkhidmatannya iaitu kewajipan dalam menjalankan tugas.

Apabila seseorang telah menerima sesuatu tugas, maka wajiblah baginya menyempurnakan tugas berkenaan. Dalam menjalankan tugas pula sikap yang tepat ialah beriltizam untuk menyempurnakannya dengan penuh tanggungjawab, bukan sekadar memenuhi syarat saja. Dalam Islam, mengelak daripada

menjalankan tugas bermakna lari daripada tanggungjawab. Hukumnya berdosa. Ada orang yang ‘mencuri’ waktu pejabat, berniaga secara sambilan, seperti menjadi pengedar barang solek, MLM, makanan tambahan pinggan manguk dan sebagainya. Malah menggunakan kemudahan pejabat seperti talian internet, inventori-inventori pejabat untuk kemudahan peribadi yang boleh mendatangkan keuntungan. Oleh yang demikian pendapatan daripada perniagaan yang menggunakan waktu ‘curi’ ini adalah haram.

Mengikut ajaran agama Islam perkataan curi itu jelas menunjukkan sesuatu perkara yang haram dan tidak direhui Allah. Sekiranya pada waktu

bekerja masih ada lagi yang ingin mendapatkan keuntungan yang lebih dengan menjalankan urusan perniagaan maka adalah tidak adil kepada pekerja yang lain yang bersusah payah menjalankan tugasya namun bayarannya tetap sama berbanding dengan pekerja yang sudah tentu tidak memaksimumkan kebolehannya kepada majikan di tempatnya bertugas sebaliknya akan memastikan jualan perniagaan mendapat keuntungan yang tinggi.

Dalam hal menjalankantugasini, kecekapan dan keprofesionalisme adalah menjadi kayu ukur yang dikehendaki. Malah mungkin juga perlu melihat kepada disiplin yang dipegang oleh individu yang menjalankan tugas. Bagi

sesiapa yang tidak mempunyai disiplin dalam hidupnya akan menganggap tugas yang diberikan adalah satu perkara yang remeh dan tidak perlu diberikan penumpuan sebaliknya akan melebihkan kepentingan peribadi dalam kerjaya.

Oleh sebab itu apabila dianalisis tentang kelewatan dalam menyampaikan maklumat mahupun perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan maka setiap majikan perlu menyelidiki setiap pekerjanya sama ada seorang yang berpegang pada prinsip menjalankan tugas ataupun sekadar ingin mendapatkan gaji setiap bulan? Oleh yang demikian antara sifat yang perlu diamalkan ialah seperti sentiasa bertanggungjawab dalam

semua tugas yang diberikan malah menjadi seorang yang tekun dan sabar dalam melayani karenahpelanggan. Inidisebabkan ‘Customers is always right.’

Di samping itu juga setiap pekerja wajib mengutamakan kerja berbanding perkara peribadi seperti kata pepatah kerjaya dijunjung, keluarga dikendong dan setiap tanggungjawab yang diberikan perlu diatur dan diuruskan dengan penuh tanggungjawab dan memastikan memenuhi kualiti yang ditetapkan oleh majikan. Dengan cara itu sahaja perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan akan berkualiti dan memenuhi kepuasan pelanggan.

\*Penulis adalah Pegawai Psikologi, HEP UMS